

Mahathir: Kita akan bertindak

24 JAN 1979

Oleh NORDIN MOHAMAD

KUALA LUMPUR, Selasa — Majlis Tanah Negara akan mengambil langkah-langkah segera bagi menyekat penjualan tanah-tanah kepunyaan orang Melayu di kawasan-kawasan bandar, demikian Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan, hari ini.

Pemangku Perdana Menteri itu berkata, majlis tersebut akan mengkaji dengan teliti garis-garis tindakan positif yang boleh diambil untuk tujuan itu.

Beliau yang juga Pengerusi Majlis Tanah Negara memberitahu, usaha-usaha juga akan diambil untuk menghentikan perbuatan menjual tanah-tanah simpanan Melayu kepada golongan tertentu seperti yang dilaporkan dalam akhbar-akhbar tempatan sejak akhir-akhir ini.

Dato Seri Dr. Mahathir menyebut demikian ketika ditemui di lapangan terbang Tentera Udara Diraja Malaysia, di sini pagi ini, sebelum beliau berlepas untuk melawat dua hari ke Sabah.

●TAN Sri Abdul Kadir Yusoff, Menteri Kema-juan Tanah dan Wilayah berkata kerajaan-kerajaan negeri diminta melaporkan penjualan tanah kepunyaan Melayu dan pemajakan tanah simpanan Melayu kepada kementerianannya.

Berita penuh lihat muka 5.

Menurut Dato Seri Dr. Mahathir, tindakan juga akan diambil ke atas kedua pihak — penjual dan pembeli — tanah-tanah kepunyaan Melayu itu.

"Kita akan mengkaji dari semua aspek tentang garis-garis atau cara-cara untuk bertindak dan kita akan bertindak," tegas beliau.

Katanya, Majlis Tanah Negara akan menyelidik secara teliti setiap aspek perbuatan menjual tanah-tanah kepunyaan orang Melayu di kawasan-kawasan bandar dan pekan.

"Saya merasa kecewa atas perbuatan itu," ujar Dato Seri Dr. Mahathir.

Bagaimanapun, tambahnya, sehingga ini beliau selaku Pengerusi Majlis Tanah Negara tidak menerima laporan mengenai perkara itu dari Kerajaan-kerajaan Negeri.

Beliau membayangkan, Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri akan diminta memberi laporan mengenai masalah tersebut dalam sidang majlis itu yang akan datang.

"Perkara penjualan tanah-tanah kepunyaan orang Melayu di kawasan bandar dan simpanan-simpanan Melayu ini cuma disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan, saya belum terima laporan resmi dari Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan," katanya.

Dato Seri Dr. Mahathir menjelaskan, mengikut undang-undang, tanah-tanah dalam simpanan Melayu tidak boleh dijual kepada orang asing.

Beliau menyebut bahawa kemungkinan tanah-tanah simpanan Melayu itu dipajak kepada golongan tertentu dengan tawaran yang tinggi.

Di samping mengecam orang-orang Melayu yang menjual tanah-tanah mereka di kawasan-kawasan bandar dan memajak tanah-tanah simpanan Melayu kepada orang lain, Dato Seri Dr. Mahathir mensifatkan golongan itu sebagai "menipu diri sendiri".

Katanya, kebanyakan orang Melayu hendak lekas kaya dan nampak untung dari segi jangka pendek sahaja tanpa memperhitungkan nasib sendiri di masa depan.

Keadaan ini juga, tambah beliau, tidak ubah seperti penjualan

s a h a m - s a h a m
kepunyaan Bumiputera
kepada bukan
Bumiputera.

Pemangku Perdana Menteri menyeru orang-orang Melayu, khususnya mereka yang mempunyai tanah-tanah di kawasan-kawasan bandar dan pekan supaya menyedari nilai jangka panjang.

Ditanya apakah peranan yang boleh dimainkan oleh UMNO dalam usaha menyelamatkan tanah-tanah kepunyaan orang Melayu dari terlepas ke tangan bukan Melayu, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, "Parti memang boleh memainkan peranan, tetapi ini semua bergantung kepada sikap seseorang itu."